

## **PENGGUNAAN KAEDAH “TYRA BANKS” UNTUK MENINGKATKAN PENGUASAAN MURID TAHUN 5 TERHADAP FAKTA BERKAITAN PERJUANGAN TOKOH TEMPATAN**

**Nurathirah Shamsuddin**

[tirashamsuddin@gmail.com](mailto:tirashamsuddin@gmail.com)

**Azhari Bin Mat Salleh**

[azhari@ipda.edu.com](mailto:azhari@ipda.edu.com)

Jabatan Kajian Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman

---

**ABSTRAK:** Kajian ini bertujuan meningkatkan penguasaan murid sekolah rendah dalam mata pelajaran sejarah khususnya penguasaan murid terhadap fakta berkaitan tokoh-tokoh tempatan dengan menggunakan kaedah *Tyra Banks*. Kajian ini bertujuan untuk mempertingkatkan tahap penguasaan murid dalam kefahaman dan ingatan mereka mengenai perjuang tempatan melalui penggunaan warna dan lampu LED. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 6 orang murid tahun 5D dari sebuah sekolah rendah di daerah kota setar yang mempunyai masalah menguasai fakta berkaitan perjuangan tokoh tempatan. Dalam proses pengumpulan data awal, murid dilihat tidak memenuhi aspek-aspek yang telah ditetapkan dalam pemarkahan tahap penguasaan murid. Kaedah pemerhatian, temubual dan analisis dokumen digunakan untuk mengumpul data dan diskripsi data digunakan untuk menganalisis data dalam kajian kualitatif ini. Hasil dapatan menunjukkan kaedah ini dapat membantu murid dalam meningkatkan penguasaan mereka berkaitan fakta tokoh-tokoh tempatan berdasarkan kepada analisis kajian dan interpretasi data.

**KATA KUNCI:** Tokoh tempatan, fakta, penguasaan, warna, *tyra banks*, lampu LED

---

### **PENDAHULUAN**

Menurut Syakila Yakob (2010), inovasi dan pendekatan yang pelbagai diperlukan bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran sejarah diminati selaras dengan matlamatnya sebagai asas pembentukan warganegara patriotik. Di sini dapat memperlihatkan peranan guru sejarah juga penting sebagai pembentuk generasi masa depan yang menjadikan sejarah sebagai panduan dan iktibar dalam kehidupan generasi akan datang.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sejarah, masalah mengingat fakta dan menghuraikan fakta sememangnya merupakan satu perkara yang agak umum bagi pelajar dan juga guru sejarah, khususnya bagi pelajar yang lemah dari segi akademik. Penyelesaian terbaik kepada masalah ini adalah spesifik mengikut kes dan amat susah untuk dibuat generalisasi daripada kes lain ataupun ke atas kes lain. Justeru, seperti yang ditegaskan di atas guru sebagai pengamal yang faham dengan dinamisme konteks bilik darjah perlu menjalankan kajian tindakan untuk merintis intervensi yang terbaik bagi membantu golongan pelajar yang mengalami masalah pembelajaran.

### **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Mengimbas kembali pengalaman mengajar, saya sentiasa merancang aktiviti lakonan. Menurut Slavin (2009), pembelajaran secara berkumpulan yang terdiri daripada tiga hingga lima orang ahli adalah cukup baik untuk

mengelakkan lencongan objektif perbincangan. Sepanjang pengajaran dan pembelajaran yang lepas, saya telah mengenalpasti satu masalah yang timbul dalam kalangan murid. Masalah ini berkaitan dengan penguasaan murid dalam mengingat fakta-fakta berkaitan perjuangan tokoh-tokoh tempatan. Kebanyakan murid menghadapi masalah dalam menguasai tajuk ini kerana dalam tajuk ini kerana terlalu banyak fakta yang perlu dikuasai oleh murid.

Buktinya apabila saya menjalani praktikum beberapa buah sekolah daerah Kota Setar, saya menjalankan aktiviti lakonan dan apabila saya menyoal semula fakta-fakta semasa sesi soal jawab di dalam kelas, mereka teragak-agak untuk menjawab. Renungan mendalam terhadap amalan mengajar saya mendedahkan kelemahan diri sendiri semasa melaksanakan kaedah lakonan. Cook dalam Courtney Richard (1975: 54), menyatakan bahawa lakonan merupakan satu cara yang sebenar untuk belajar. Di negara-negara barat terutama di England, terdapat pendekatan yang dikenali sebagai *The Living History* yang membenarkan kata-kata Cook di atas. Pendekatan ini menggunakan peristiwa dalam sejarah dan dilakonan semula oleh kanak-kanak. Menurut Lickona (1991), pembelajaran dalam keadaan ini akan menyebabkan konsep, fakta atau kemahiran yang dipelajari akan lebih cepat difahami atau mudah dikuasai. Namun penggunaan teknik yang hanya berfokus kepada beberapa teknik sahaja akan mengganggu keberkesanan kerana setiap teknik yang digunakan mempunyai kekuatan dan kelemahan. Oleh itu, saya sedar bahawa saya perlu mempelbagaikan teknik pengajaran saya.

Menurut Muhammad Johdi Salleh (2010), dalam kajian tindakan beliau yang bertajuk "*Kaedah kumpulan kecil dalam pengajaran sejarah*" menjurus kepada tidak ada satu kaedah mutlak yang boleh menyelesaikan semua masalah pengajaran dan pembelajaran sejarah. Ini bermakna dalam pengajaran kaedah sejarah perlu ada kepelbagaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Untuk memastikan proses pengajaran menarik dan mencapai objektif. Ini kerana, segalanya bergantung kepada sikap guru sebagai pendidik Kajian Noraizan Hamzah (2008), menunjukkan pelajar berasa bosan semasa membaca buku teks kerana isi kandungannya terlalu banyak fakta yang perlu dihafal. Dalam pembelajaran pendidikan sejarah, kaedah dan teknik harus dipelbagaikan untuk menarik minat murid dengan kaedah penceritaan sahaja murid tidak dapat menanamkan sifat minat dan mempunyai gambaran mental yang kukuh mengenai apa yang diceritakan oleh guru

Kelemahan murid dalam topik ini adalah kerana mereka merasakan tajuk ini terlalu banyak fakta yang perlu diingat. Contohnya, nama tokoh, sebab penentangan tokoh dan negeri perjuangan tokoh. Di samping itu, mereka juga kurang jelas dengan nama tokoh-tokoh tempatan ini.

Oleh itu, jurang antara nilai dan kepercayaan yang dijalankan amat luas selaras dengan ledakan pendidikan negara kita yang mengalami arus globalisasi. Oleh itu, seharusnya sebagai guru, kaedah, amalan atau kepercayaan seharusnya diubah mengikut era masa dan menepati keperluan semasa pendidikan supaya dapat melahirkan modal insan yang cemerlang dalam akademik dan mampu berdaya saing dengan taraf pendidikan negara luar seperti Finland.

### **3.0 FOKUS KAJIAN**

Fokus utama dalam kajian ini adalah penguasaan fakta. Penguasaan konsep dan ciri-ciri tentang sesuatu kemahiran sangat penting kepada murid-murid untuk melatih mereka agar berupaya menyelesaikan masalah-masalah secara teratur serta membuat penilaian yang kritis. Komponen perkembangan kognitif menjadi fokus utama dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana keupayaan kognitif amat mempengaruhi semua aktiviti pembelajaran (Piaget, 1952, seperti dinyatakan dalam Dr. Paul Suparno 2005). Masalah ini yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah berpunca dari tahap pengetahuan murid terhadap fakta-fakta berkaitan tokoh tempatan adalah lemah sehingga mereka tertukar fakta antara satu tokoh dengan tokoh yang lain.

Seterusnya fokus kajian lain ialah, murid juga menghadapi masalah berkaitan dengan negeri-negeri perjuangan tokoh-tokoh ini. Contohnya, Rentap negeri perjuangan beliau ialah Sarawak. Begitu juga dengan tokoh yang lain. Fokus lain dalam kajian ini ialah, murid mempunyai masalah dalam mengelaskan atau membezakan tokoh-tokoh ini dengan negeri-negeri perjuangan mereka. Antara faktor berlakunya ialah kerana, terlalu banyak fakta yang perlu diingat dalam tajuk ini.

#### **4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Meningkatkan penguasaan murid terhadap fakta berkaitan perjuangan tokoh tempatan melalui Kaedah “Tyra Banks” dalam kalangan murid Tahun 5

#### **5.0 PERSOALAN KAJIAN**

Sejauh manakah “Tyra Banks” dapat membantu murid-murid Tahun 5 dalam meningkatkan penguasaan mereka berkaitan perjuangan tokoh-tokoh tempatan di Tanah Melayu.

#### **6.0 KUMPULAN SASARAN**

Berdasarkan hasil tinjauan awal, data yang diperoleh dari pemerhatian dan penelitian lembaran kerja murid, saya telah memilih 6 orang murid yang mempunyai prestasi pencapaian tahap sederhana dan kurang memuaskan dalam menguasai fakta sejarah khususnya dalam tajuk perjuangan tokoh tempatan ini. Kumpulan sasaran terdiri daripada 6 orang, iaitu 2 orang murid lelaki dan 4 orang murid perempuan. Dalam kalangan mereka, semuanya ialah berbangsa Melayu. Mereka mempunyai prestasi pencapaian pada tahap sederhana dan rendah dalam penguasaan fakta berkaitan tokoh tempatan.

#### **7.0 PELAKSANAAN KAJIAN**

Saya telah merancang kaedah “Tyra Banks” untuk meningkatkan penguasaan murid dalam fakta berkaitan sejarah dalam kalangan murid tahun 5 supaya mereka dapat menguasai tajuk ini. Kaedah ini menunjukkan satu siri tindakan yang sistematik dan beransur maju dalam meningkatkan penguasaan murid berkaitan fakta tokoh.



**Rajah 1: Kaedah “Tyra Banks”**

Dalam kajian ini, saya telah merancang tiga aktiviti intervensi dengan menggunakan kaedah “Tyra Banks”. Setiap aktiviti intervensi telah mengambil masa 60 minit dan dilaksanakan di bilik darjah sekolah. Sepanjang proses penggunaan kaedah “Tyra Banks” ini telah dibantu oleh bahan bantu mengajar iaitu bahan mengajar aktiviti 1 hingga aktiviti 3. Berikut merupakan huraian prosedur dan langkah pelaksanaan bagi setiap sesi aktiviti intervensi dengan menggunakan kaedah “Tyra Banks”. Ianya seolah-olah bank ilmu yang merangkumi semua fakta berkaitan tajuk ini.

### 7.1 Aktiviti 1 : Papan Selit



Guru memberitahu berkaitan penetapan warna bagi setiap tokoh. Contohnya :

Rentap – Merah

Dato Maharajalela – Kuning

Dato Bahaman– Biru

Tok Janggut – Hijau

Mat Salleh – Putih

Guru memanggil 5 orang murid ke hadapan dan membuat undian

Mereka perlu menarik maklumat di papan selit

Kemudian, mereka perlu membacakan maklumat berkaitan tokoh tersebut.

Terdapat 3 maklumat bagi tiap-tiap tokoh. Antaranya ialah :

- i. Nama tokoh tersebut
- ii. Negeri tokoh tersebut
- iii. Sebab Penentangan

### 7.2 Aktiviti 2 : Roda Impian



- i. Guru akan menyatakan 5 tokoh yang hendak diajarkan iaitu Rentap, Dato Maharajalela, Tok Janggut, Dato Bahaman dan Mat Salleh
- ii. Guru memanggil murid ke hadapan. Mereka perlu membaling dadu dan melihat nombor yang mereka perolehi
- iii. Mereka perlu menarik maklumat di papan selit berdasarkan nombor yang mereka perolehi.
- iv. Kemudian, mereka diberi 3 minit untuk membacakan maklumat berkaitan tokoh tersebut.
- v. Kemudian, mengikut giliran dari 1 hingga 5 mereka perlu mereka perlu memusing anak panah yang terdapat di roda impian yang sama dengan maklumat yang mereka tarik di papan selit.

### 7.3 Aktiviti 3: Tyra Banks



- i. Guru akan menunjukkan manual penggunaan “Tyra Banks”
- ii. Guru akan memanggil 5 orang murid untuk mencabut undi.
- iii. Mereka perlu mencabut undian dan melihat nombor apa yang mereka perolehi.
- iv. Mereka perlu menarik maklumat di papan selit berdasarkan nombor yang mereka perolehi. Contohnya :

Rentap - Merah

Dato Maharajalela – Kuning

Dato Bahaman– Biru

Tok Janggut – Hijau

Mat Salleh – Putih

- i. Kemudian, mereka diberi masa 3 minit untuk membaca maklumat berkaitan tokoh tersebut
- ii. Kemudian, mereka perlu menekan butang tokoh yang mereka dapat sewaktu undian tadi dan maklumat berlampu LED akan keluar .
- iii. Murid perlu menyusun maklumat yang berkaitan dengan tokoh tersebut pada lampu yang menyala mengikut warna.

## 8.0 DAPATAN KAJIAN

### 8.1 Data Pemerhatian

Data telah dianalisis dengan menggunakan kaedah pemerhatian untuk memerhati penguasaan peserta kajian terhadap fakta-fakta berkaitan tokoh tempatan. Setiap peserta kajian diperhatikan dengan tiga kriteria dalam borang senarai semak pemerhatian dan dibuat transkripsi. Antara kriteria ialah dapat mengenali tokoh tempatan melalui aktiviti papan selit, boleh mengingat tokoh-tokoh tempatan dan negeri penentangan mereka melalui aktiviti roda impian dan dapat mengenalpasti sebab-sebab penentangan tokoh tersebut melalui kaedah “Tyra Banks”. Senarai semak disediakan mengikut setiap aktiviti.

**Jadual 1**  
***Perbandingan Hasil Dapatan Senarai Semak Pemerhatian Sebelum dan Selepas Pelaksanaan Kajian***

Bil	Kriteria	Bilangan peserta kajian					
		Sebelum			Selepas		
		Ya	Tidak	Jumlah	Ya	Tidak	Jumlah

1.	Dapat mengenali tokoh tokoh tempatan dengan betul	0	6	6	6	0	6
2.	Boleh mengingat tokoh-tokoh dan negeri-negeri tokoh tersebut	1	5	6	6	0	6
3.	Boleh mengenalpasti sebab penentangan tokoh-tokoh tempatan	1	5	6	6	0	6

Sebelum menggunakan “Tyra Banks”, hanya seorang peserta kajian yang dapat menguasai kriteria yang difokuskan dalam pemerhatian, manakala 5 daripada 6 peserta kajian tidak dapat memenuhi ketiga-tiga kriteria yang diperhatikan. Namun begitu, selepas menggunakan “Tyra Banks” hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian iaitu seramai 6 orang peserta kajian telah mencapai ketiga-tiga kriteria tersebut berbanding sebelum menggunakan intervensi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian melalui pemerhatian didapati bahawa sebelum intervensi dijalankan, hanya seorang peserta kajian sahaja yang mampu menguasai kriteria tersebut dengan betul, tetapi peningkatan berlaku selepas menggunakan intervensi dijalankan dan dilihat semua respon dapat meningkatkan kefahaman dengan jelas mengenai tokoh tempatan melalui “Tyra Banks”. Oleh itu kajian ini terbukti berkesan untuk meningkatkan penguasaan murid terhadap fakta berkaitan dengan perjuangan tokoh tempatan dan menjawab soalan kajian yang telah dinyatakan iaitu “Sejauh manakah “Tyra Banks” dapat membantu murid-murid Tahun 5 dalam meningkatkan penguasaan mereka berkaitan perjuangan tokoh-tokoh tempatan di Tanah Melayu.

## 8.2 Temubual

Teknik temu bual yang saya laksanakan adalah berfokus kepada temu bual tidak berstruktur. Temu bual yang dijalankan bersama peserta kajian saya secara individu. Item-item temu bual mengambil kira aspek penggunaan “Tyra Banks” seperti yang disenaraikan dalam lampiran. Saya telah menjalankan secara individu untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan maklumat yang diberikan oleh peserta kajian saya dalam sesi temu bual tanpa gangguan dan dipengaruhi oleh jawapan murid.

## 8.3 Data Analisis dokumen

Instrumen ketiga yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis dokumen murid Melalui kaedah ini, saya telah menyediakan satu borang pemarkahan untuk menilai penguasaan peserta kajian terhadap fakta-fakta berkaitan dengan tokoh-tokoh tempatan ini melalui “Tyra Banks” berpandukan rubrik pemarkahan tersebut, terdapat 4 kriteria yang dinilai, iaitu penguasaan murid terhadap nama tokoh, negeri penentangan tokoh dan juga sebab penentangan tokoh tersebut dan akhir sekali sikap dan sahsiah murid semasa membuat aktiviti.

**Jadual 2*****Rumusan Tahap Penguasaan Murid-Murid Responden dalam Setiap Aktiviti Intervensi Selepas Kajian***

Tahap Penguasaan	Kriteria Tahap Penguasaan	Bilangan Peserta Kajian	
		Sebelum	Selepas
6 (Sangat Cemerlang)	Murid boleh menzahirkan idea yang rasional tentang perjuangan tokoh tempatan dalam mempertahankan kedaulatan negara.	0	0
5 (Cemerlang)	Murid boleh membuat penilaian kewajaran perjuangan tokoh tempatan terhadap British.	0	0
4 (Baik)	Murid boleh menguasai maklumat tentang perjuangan tokoh tempatan terhadap British.	0	4
3 (Sederhana)	Murid boleh menerangkan penentangan tokoh tempatan terhadap British.	0	2
2 (Lemah)	Murid memahami perjuangan tokoh-tokoh tempatan menentang penjajahan	0	0
1 (Sangat Lemah)	Murid mengetahui perjuangan tokoh-tokoh tempatan menentang penjajahan	6	0
Jumlah		6	6

Sebelum menggunakan “Tyra Banks” kebanyakan murid tidak begitu menguasai fakta berkaitan tokoh tempatan dengan betul dan tepat. Kajian ini terbukti dengan melihat jadual diatas yang menunjukkan bahawa 6 peserta kajian mendapat tahap penguasaan 1 iaitu lemah dan sangat lemah sebelum intervensi. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian iaitu seramai 6 orang peserta kajian menguasai fakta berkaitan tokoh tempatan ini dengan mencapai tahap penguasaan 3 dan 4. Kedua-dua tahap penguasaan ini merupakan peringkat yang dikira berjaya, berbanding dapatan sebelum intervensi, mereka hanya berada pada tahap penguasaan 1 sahaja. “Tyra Banks” sesuai dan dilaksanakan untuk meningkatkan penguasaan murid terhadap tajuk tokoh-tokoh tempatan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Oleh yang demikian, kajian ini telah terbukti berkesan serta telah menjawab soalan kajian yang dinyatakan bagi meningkatkan penguasaan murid terhadap fakta-fakta berkaitan tokoh tempatan.

## **9.0 PERBINCANGAN DAN REFLEKSI**

Masalah yang dihadapi oleh murid tahun 5 dalam menguasai fakta-fakta berkaitan tokoh tempatan berpunca dari kurangnya pendedahan dan pemahaman konsep berkaitan tokoh-tokoh tempatan ini hal ini merujuk kepada kajian lepas yang dijalankan oleh Zaharah Aziz (2009), “Penggunaan Peta Konsep untuk Meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah bagi Pelajar Tingkatan Dua” pelajar tidak akan memahami sesuatu konsep jika tidak mengetahui maksud atau makna perkataan tertentu. Fakta mempunyai kaitan dengan konsep kerana fakta merupakan maklumat atau data yang membantu membentuk, membina dan mengembangkan sesuatu konsep. Memandangkan pembelajaran menggunakan konsep merupakan satu bahagian penting dalam proses berfikir, maka penekanan kepada teknik pengajaran yang membolehkan pelajar menguasai konsep dalam mata pelajaran sejarah adalah wajar dilakukan oleh para guru sejarah.

Maka “Tyra Banks” berfungsi sebagai bahan yang mengajar murid cara untuk memahami konsep dan fakta dengan lebih mudah iaitu menggunakan warna sebagai intervensi untuk mengatasi masalah tersebut. Dapatan kajian memperoleh bahawa melalui penggunaan “Tyra Banks” telah memberikan perkembangan yang positif dalam kalangan murid serta mampu meningkatkan penguasaan murid terhadap fakta-fakta berkaitan dengan tokoh tempatan. Hasil dapatan kajian juga amat sesuai dalam menjawab soalan kajian yang telah dinyatakan dalam kajian tersebut.

Kekuatan yang dikenalpasti dalam penggunaan intervensi ini ialah “Tyra Banks” merupakan sejenis media bantu mengajar yang berbentuk interaktif, iaitu murid melakukan sendiri aktiviti tersebut. Menurut Azizi Yahaya *et.al*(2005), menyatakan bahawa pembelajaran boleh diperoleh oleh pelajar dengan lebih bermakna apabila melakukan kegiatan itu sendiri. Selain itu, “Tyra Banks” juga bahan yang tidak hanya bergantung kepada buku teks semata-mata malah mengalakkan murid belajar sambil bermain. Menurut Maharom Mahmood (2001), dalam kajiannya “Kurikulum Sejarah Membantu Pemupukan Patriotik” menyatakan kebanyakan guru di sekolah mereka menggunakan kaedah tradisional dengan penceritaan sahaja kurang mahir dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dengan strategi pengajaran yang mampu membina kognitif murid.

Selain itu, “Tyra Banks” turut membantu murid mengingat dengan lebih mudah apabila bahan tersebut lebih interaktif. Hal ini kerana murid sukakan sesuatu benda yang menarik, dengan penggunaan warna, lampu penetapan tokoh ini murid akan berasa seronok dan teruja. Menurut Lester B. Bands (1956), menjelaskan bahawa bahan bantuan mengajar amat penting sekali kerana penggunaannya itu dapat menggalakkan penguasaan bahan pengajaran guru. Murid dapat mengingat semula bahan pengajaran yang telah dipelajari itu. Kajian Hazman Che Sidik (2000) Rohidah Alias (2003) dan Zaliza Zali (2004), menunjukkan penggunaan BBM bersifat interaktif ini dapat menjadikan pengajaran lebih berkesan dan menarik minat pelajar.

Kelemahan yang terdapat dalam “Tyra Banks” ini ialah pelaksanaan intervensi ini ialah, bahan yang digunakan terlalu besar. Walaupun begitu, kajian ini masih dapat membantu saya untuk menjadi guru yang inovatif dan sentiasa mencari kaedah yang terbaik untuk menyelesaikan masalah seperti ini. Jadi saya yakin bahawa setiap permasalahan yang berlaku pasti ada jalan penyelesaian yang baik.

Tuntasnya, intervensi ini telah memberikan sesuatu yang baru kepada murid untuk belajar. Peningkatan yang ditunjukkan dalam hasil kajian sangat baik dan membanggakan. Murid seronok semasa menyusun fakta yang betul mengikut lampu LED. Selepas menggunakan “Tyra Banks” murid dapat meningkatkan penguasaan mereka dalam fakta berkaitan tokoh tempatan. Secara tidak langsung dapat meningkatkan pengetahuan mereka dalam tokoh-tokoh yang pernah berjuang untuk negara.

#### **10.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA**

Bagi kajian lanjutan, saya mencadangkan agar bilangan tokoh yang perlu dikuasai oleh murid ditambah. Ini kerana melalui kaedah ini murid boleh mengingat dengan lebih cepat. Jadi bilangan tokoh tempatan yang perlu dikuasai oleh murid boleh dinaikkan dari 5 orang kepada 7 atau 8 orang. Maka, penguasaan murid dalam tokoh-tokoh tempatan ini lebih baik. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam intervensi juga perlu diubahsuai. Seperti dalam aktiviti pertama dan kedua iaitu yang tidak begitu interaktif berbanding aktiviti tiga. Oleh itu, penambahbaikan aktiviti yang lebih interaktif akan menjadikan bahan ini lebih menarik. Tetapi pelaksanaan masih perlu mengikut ansur maju yang betul.

Saya berpendapat bahawa penggunaan gambar boleh ditambah dalam intervensi ini. Misalnya semasa aktiviti tiga, penggunaan gambar akan membantu murid mengingat dan mengenali tokoh tempatan. Dengan ini meningkatkan penguasaan murid dalam tajuk ini. Selain itu, saya berpendapat bahawa alat intervensi “Tyra Banks” boleh diperbaiki lagi supaya menjadi lebih efisien. Misalnya, cara penggunaan dan perjalanan



prosedur murid untuk menjalankan aktiviti tersebut mungkin boleh dimudahkan sedikit supaya tidak terlalu kompleks.

Kesimpulannya, kajian ini hendaklah diteruskan lagi oleh guru-guru dengan melakukan beberapa penambahbaikan dan memastikan ianya mampu membantu murid meningkatkan penguasaan terhadap fakta berkaitan perjuangan tokoh tempatan.

## 11.0 RUJUKAN

- Azizi Yahaya & Zurihanmi Zakaria & Fawziah Yahya. (2005). *Aplikasi kognitif dalam pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing.
- Charles B. Klasek. (1972). *Instructional media in the modern school*. London. Professional Educators Publications
- Countney, Richard 1991 (terjemahan). *Lakon, drama dan pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hazman Che Sidik & Rohidah Alias & Zaliza Zali (2004) *Pembinaan dan penilaian berbantuan komputer bagi mata pelajaran sejarah tingkatansatu*. UKM
- Lickona, T. (1991). *Educating for character how our school can teach respect and responsibility*. New York: Bantam.
- Maharom Mahmood. (2001). *Kurikulum sejarah ke arah memperkukuhkan usaha pemupukan semangat patriotik dalam kalangan murid*. Kuala Lumpur..
- Mohamad Johdi Salleh. (2009). *Kaedah kumpulan kecil dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah*. International Islamic University Malaysia (IIUM)
- Noraizan Hamzah @ Daud. (2008). *Persepsi pelajar dan guru terhadap penggunaan buku teks sejarah*. Kertas Projek Sarjana. UKM. Bangi.
- Piaget, J. (1952). *The child conception of the world*. New York. Harcourt, Brace
- Slavin, R. E (2006). *Educational psychology: theory and practice*. 8th.ed. United States Of America : Pearson Education, Inc.
- Shakila Yacob (2010) *Ilmu sejarah membina negara*. Utusan Malaysia. 19 Oktober 2010
- Zahara Aziz & Nurliah Jair (2009). *Penggunaan peta konsep untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi pelajar tingkatan dua*. Jurnal Pendidikan Malaysia

